

# SUCCESS EVENT!!! 1 HEART RUN



**S**atu acara larian yang bertemakan "1 Heart Run" telah dianjurkan dibawah kursus Operasi Acara Khas (BT31703) oleh para pelajar tahun tiga program Pengurusan Hotel (HE08) pada 11 Disember 2011 yang lalu dibawah seliaan Cik Juliana Langgat dan Encik Arif Kamisan.

Seramai 214 penyertaan daripada para pelajar UMS dan orang awam telah mengikut larian sepanjang 7KM ini dimana ianya bermula dan berakhir di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. Objektif penganjuran acara ini adalah untuk memupuk kesedaran dikalangan para pelajar UMS untuk menjaga kesihatan agar mempunyai minda yang sihat dan cergas. Disamping itu, penganjuran acara ini adalah merupakan keperluan wajib kursus Operasi Acara Khas dimana para pelajar diwajibkan untuk membuat menganjurkan sesuatu acara bagi mengaplikasi



apa yang telah dipelajari sepanjang semester ini. Ucapan perasmian diadakan di tapak letak kereta oleh Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Prof Madya Dr. Arsiah Hj. Bahron. Kemudian disusuli dengan senaman ringan sebelum bermulanya larian. Larian dilepaskan oleh Dekan pada pukul 0720 pagi sambil diiringi oleh pengawal keselamatan dan juga pasukan persatuan bulan sabit merah dan ambulan. Terdapat empat kategori telah dipertandingkan iaitu kategori 18-35 tahun lelaki dan perempuan dan 35 tahun ke atas lelaki dan



perempuan. Penyertaan amat memberangsangkan dengan penyertaan hampir 250 orang dan 80 penyertaan dari peserta luar termasuklah seorang pelari yang merupakan pesakit strok yang baru sembuh. Pelari yang pertama yang sampai ke garisan penamat dengan masa 20 minit merupakan peserta dari kategori 35 tahun ke atas lelaki. Yang menariknya pemenang kategori 35 tahun keatas untuk kategori lelaki adalah suami isteri. Dimaklumkan juga, bahawa anak mereka turut menyertai larian ini. Secara tidak langsung, acara sebegini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Pemenang larian ini



membawa pulang hamper dan juga piala. Selain daripada larian "1 Heart Run" ini, terdapat pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan sepanjang acara ini termasuklah pameran kesihatan daripada Sekolah Perubatan, pameran makanan sihat daripada Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, "auto show", cabutan bertuah serta penjualan makanan dan minuman. Yang menariknya, para peserta diberi sijil dan goodies bag sebagai tanda penghargaan. Ramai pensyarah SPE dan kakitangan yang telah hadir bagi menyokong acara ini.

